

TARIKH : 28 FEBRUARI 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 35

Batal 5G boleh gagalkan pelaksanaan RMK12, MyDIGITAL

Batal 5G boleh gagalkan pelaksanaan RMK12, MyDIGITAL

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamalaysia.com.my

PUTRAJAYA: Pembatalan pelancaran komuniti 5G oleh syarikat milik penuh kerajaan, Digital Nasional Berhad (DNB) boleh menggagalkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan Pelan Tindakan MyDIGITAL.

Ketua Pegawai Eksekutif DNB, Ralph Marshall berkata, pembatalan itu juga akan menjejaskan seramai 257 sumber tenaga manusia, di samping pembayaran semula sebanyak RM 1.2 bilion untuk pembangunan Fasa 1 yang perlu ditanggung oleh DNB.

"Reputasi negara terutama dalam kemasan pelaburan langsung asing (FDI) akan terjejas teruk. Jurang digital akan terus melebar, komuniti digital akan terus bergantung kepada keupayaan individu untuk membayar hak asasi internet berbanding disediakan kerajaan.

"Tender semula bukan pilihan dan kontrak semasa akan dilanggar, kerajaan tidak mempertaruhkan kepercayaan operator rangkaian mudah alih (MNC) dan meletakkan FDI sebagai taruhan untuk keputusan flip-flop," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Sebelum ini, Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa DNB boleh menjadi skandal lebih besar daripada iMalaysia Development Berhad (IMDB) semata-mata tidak berpus hati dengan lantikan DNB sebagai penyedia tunggal rangkaian 5G.

Bagaimanapun, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa memberitahu, kedudukan DNB dan status SWN yang menjadi perdebatan dan polemik akan diselesaikan segera pada awal bulan depan bagi memastikan ia tidak menjejaskan gerak kerja 5G.

Marshall berkata, kerajaan perlu mendapat mandat dalam kawalan pelancaran 5G demi memastikan projek itu dirasai rakyat sebagai asas utama kerajaan memilih pendekatan SWN untuk pelaksanaan 5G ke seluruh negara.

Katanya, ia adalah usaha



PELANCARAN komuniti 5G oleh Digital Nasional Berhad penting bagi memacu kemajuan negara di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. - GAMBAR HIASAN



RALPH MARSHALL

menangani ketersambungan internet yang lemah di Malaysia, terutamanya di kawasan pinggir bandar dan luar bandar di mana liputan dan kualiti 4G adalah tidak memuaskan.

Jelas beliau, sekiranya projek mega ini diberikan kepada Telco, negara dianggarkan terlibat dengan komuniti 5G selewat-lewatnya pada 2023 atau 2024, malah, Telco akan mengerah keuntungan daripada aset 4G yang dibelanjakan mereka sementara melagakan pelancaran 5G.

Beliau menjelaskan, DNB mempunyai kemampuan tenaga pakar dan pengurusan untuk pelancaran 5G, maka tiada masalah pembaharuan struktur dilakukan dan kesilapan sama tidak sewajarnya diulang dengan model perniagaan berori-

entasikan keuntungan dan permintaan.

Marshall berkata, kos pembangunan infrastruktur DNB jauh lebih rendah berbanding anggaran Telco kerana DNB

akan sentiasa membuat pilihan berpandukan kehendak kerajaan menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC).

Maka, katanya, produk dapat

diagihkan dengan harga yang lebih rendah dan kerajaan hanya membelanjakan RM 500 juta, untuk keseluruhan projek DNB yang memakan kos RM16.5 billion.

Beliau berkata, sejak penubuhan DNB dan pelancaran 5G, sebarang perubahan pada harga struktur kos adalah wajar mengikut alternatif yang dilihat beres-tesuan sekiranya ia memberi kelebihan kos kepada syarikat.

Katanya, anggaran nilai awal adalah sebanyak RM 11 bilion untuk tempoh 10 tahun seperti yang diperkenalkan pada 1 Julai 2021 dan daripada jumlah itu dijangkakan sebanyak RM4 bilion digunakan ke arah pemerolehan alatan komuniti.

Kata beliau, sebanyak RM7+ bilion lagi dibelanjakan untuk infrastruktur komuniti 5G melibatkan perbelanjaan ke atas bahan gentian, laman sesawang, kos infrastruktur serta Caj Projek Kelengkapan SKMM.